


فجابه فغارہ تانہ دان کالین ترغانو.

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN,
TERENGGANU,**

TINGKAT 7 DAN 11, WISMA DARUL IMAN,
20576 KUALA TERENGGANU.

Telefon : 09-6231957 samb. 2700 – 2706 Fax : 09-6229887
3100 – 3115



PTG.TR. G/05/1988/06/04 -(9)
Bertarikh : 09 Ramadhan 1424
Bersamaan : 04 November 2003

Pentadbir Tanah
KUALA TERENGGANU.

Pentadbir Tanah
KEMAMAN.

Pentadbir Tanah
DUNGUN.

Pentadbir Tanah
BESUT.

Pentadbir Tanah
HULU TERENGGANU.

Pentadbir Tanah
MARANG.

Pentadbir Tanah
SETIU.

Tuan,

ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN TERENGGANU BIL. 6/2003

**PENYELARASAN PROSES KELULUSAN PERMOHONAN PECAH SEMPADAN
DAN PECAH BAHAGIAN TANAH, DALAM KEADAAN TIADA JALAN KELUAR /
MASUK YANG SAH**

1. **TUJUAN:**

Arahan ini dikeluarkan untuk panduan semua Pentadbir Tanah mengenai kelulusan permohonan pecah sempadan atau pecah bahagian tanah dalam keadaan tiada jalan keluar / masuk yang sah.

2. **LATARBELAKANG:**

- 2.1. Kanun Tanah Negara memperuntukkan bahawa tuannya mana-mana tanah yang dipegang di bawah hakmilik tetap, boleh memohon untuk pecah sempadan atau pecah bahagian tanah .

- 2.2. Seksyen 136 (l) (h) Kanun Tanah Negara mensyaratkan bahawa tiap-tiap petak pecahan hendaklah ada satu jalan keluar / masuk ke Perhentian Awam (Public terminal) yang sah.
- 2.3. Hal yang demikian menyebabkan tanah-tanah yang berpotensi tidak dapat dimajukan kerana ketiadaan kemudahan laluan jalan keluar / masuk. Isu ini sentiasa berbangkit dalam memproses pembangunan tanah.
- 2.4. Perkara ini telah dibincang dan dipersetujui dalam Mesyuarat Pentadbir-Pentadbir Tanah kali ke 2/2003 pada 11 Julai 2003 dan Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Terengganu kali 1/2003 pada 14 Oktober 2003.

3. PERANAN PENTADBIR TANAH

Bagi menggalak dan melicinkan proses pembangunan tanah, Pentadbir Tanah adalah dinasihatkan meluluskan permohonan pecah sempadan atau pecah bahagian bagi lot yang ketiadaan jalan / keluar masuk dalam keadaan berikut :-

3.1. *Mewujudkan Hak Lalulalang Pentadbir Tanah (Collector Right of Way)*

Tuan punya berkaitan telah memohon Hak Lalulalang Pentadbir Tanah dibawah seksyen 390 Kanun Tanah Negara dan permohonanya telah mendapat kelulusan daripada Pentadbir Tanah.

3.2. *Jalan keluar / masuk menggunakan jalan persendirian*

Diatas tanah telah ada rangkaian jalan, samada jalan tanah merah atau jalan tar, yang telah digunakan sebagai jalan keluar / masuk ke Perhentian Awam (Public Terminal), tanpa menagambil kira larian (alignment) jalan berkenaan terletak diatas tanah milik atau bukan suatu rezab jalan yang sah.

3.3. *Persetujuan tuan tanah yang bersempadan*

Pemohon pecah sempadan atau pecah bahagian telah mendapat persetujuan / keizinan secara bertulis daripada tuan-tuan tanah yang terlibat dengan laluan keluar-masuk ke "Public Terminal".

Dalam kes ini Pentadbir Tanah boleh menasihatkan tuan tanah berkenaan mendaftar " ismen " diPejabat Tanah atau Pejabat Pendaftar Hakmilik.

4. **PEMAKAIAN:**

Arahan ini hendaklah dibaca bersama dengan Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan Bilangan 19/1976, 9/1980 dan Arahan Pengarah Tanah dan Galian, Terengganu Bilangan 5/2000.

5. **PENGUATKUASAAN:**

Arahan ini berkuatkuasa dengan serta-merta pada tarikh ianya dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

“ MEMBANGUN MENURUT ISLAM ”

Saya yang menurut perintah,



(DATO' TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR)
Pengarah Tanah dan Galian
Terengganu.

s.k.

Semua Pihak Berkuasa Tempatan